



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

MALAYSIA PRIHATIN: MITI RESPONSIF DAN PROGRESIF

Hari ini genap setahun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berada di bawah kepimpinan YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Walaupun negara dilanda pandemik COVID-19 yang telah memberi impak yang besar kepada agenda pembangunan ekonomi negara, MITI mengambil pendekatan responsif dan progresif dalam menangani kemelut ekonomi berikutan penularan pandemik COVID-19.

Hasilnya, pelbagai kejayaan telah dicapai oleh Malaysia dan MITI sepanjang tahun 2020. Dari segi perdagangan antarabangsa, Malaysia telah mencatatkan lebih dagangan selama 23 tahun berturut-turut sejak 1998 di mana lebih dagangan sebanyak RM184.79 bilion yang direkodkan pada tahun 2020 merupakan yang tertinggi pernah dicapai. Dari sudut pelaburan asing pula, negara telah mencatatkan prestasi memberangsangkan di mana pelaburan yang diluluskan sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak RM164 bilion di dalam suasana ekonomi dunia yang amat mencabar.

Pencapaian utama lain adalah kejayaan MITI dalam penganjuran persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) sepanjang tahun 2020 yang diadakan secara maya buat pertama kali dalam sejarah. MITI juga bertindak sebagai ketua perunding bagi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang telah dimeterai bersama dengan 14 negara lain pada 15 November 2020 yang bakal memberikan akses pasaran kepada lebih 2.2 bilion penduduk. MITI juga memainkan peranan sebagai Kementerian yang menguruskan kesinambungan dan kelangsungan aktiviti sektor ekonomi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

Sebagai pengiktirafan terhadap penganjuran APEC 2020, MITI telah mencatat sejarah di dalam *Malaysia Book of Records* sebagai penganjur Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Ekonomi APEC yang buat pertama kalinya diadakan secara maya. Pencapaian ini melengkapinya pencapaian utama APEC 2020 iaitu pelancaran Visi Putrajaya 2040 dan Deklarasi Kuala Lumpur 2020.



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Mendepani usaha menongkah arus di masa hadapan, MITI sebagai barisan hadapan ekonomi bersama 13 agensinya akan terus melaksanakan inisiatif yang progresif dan responsif dalam usaha memulihkan semula ekonomi melalui program-program pembangunan industri, pelaburan dan perdagangan luar.

Antara fokus MITI dalam usaha merencanakan semula ekonomi negara adalah dalam aspek pendigitalan, automasi dan Industri 4.0 serta kelestarian yang kesemuanya sejajar dengan rangka tindakan Rancangan Malaysia ke-12, MyDigital dan Visi Kemakmuran Bersama 2030. Seiring dengan perencanaan ini, MITI dan agensi-agensinya sedang memobilisasikan program-program seperti:

- *Industry4WRD* kelolaan MITI yang memfokuskan kepada adaptasi teknologi Industri 4.0 dan pendigitalan;
- pengenalan pusat sehati *Project Acceleration and Coordination Unit (PACU)* di MIDA untuk memudahcara para pelabur;
- pelancaran program eTRADE 2.0 oleh MATRADE yang bakal memberi akses kepada usahawan tempatan untuk menerokai pasaran dunia melalui platform digital;
- pengenalan Program ProKerja oleh MARii bagi membantu golongan belia mendapat peluang pekerjaan dalam industri; dan
- MyMudah oleh MPC sebagai pusat sehati untuk memudahcara industri daripada kerenah birokrasi.

Usaha-usaha ini dijangka mampu menyumbang kepada situasi ekonomi negara yang telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Dapat dilihat pada bulan Disember 2020, ekonomi negara hanya menguncup 1.7 peratus berbanding pada bulan April 2020 di mana ekonomi negara telah menguncup sebanyak 28.7 peratus. Kadar pengangguran juga telah menurun daripada 5.3 peratus pada bulan Mei 2020 kepada 4.8 peratus pada bulan Disember 2020. Keputusan untuk membuka sektor ekonomi secara berperingkat-peringkat pada PKP 2.0 dengan pematuhan kepada SOP yang ketat baru-baru ini telah menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara. Badan-badan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia mengunjurkan ekonomi negara akan berkembang pada kadar masing-masing 7 peratus dan 6.7 peratus pada tahun 2021 ini. Proses pemulihan ekonomi negara dijangka akan dipercepatkan lagi dengan pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang telah bermula dari 24 Februari 2021.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

MITI sebagai Kementerian yang menerajui Kluster Ekonomi akan terus bekerjasama dengan kementerian dan agensi lain seperti Kementerian Kesihatan, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menjayakan agenda pembangunan ekonomi dalam tempoh yang amat mencabar ini khususnya penekanan kepada kepentingan mencapai keseimbangan di antara perlindungan kesihatan awam dan kelangsungan ekonomi.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)

10 Mac 2021

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my